



26 AUG, 2025

'Bahagian bentuk L masih hutan simpan'

Harian Metro, Malaysia



***'Bahagian bentuk L
masih hutan simpan'***

Kota Damansara: Penempatan haram yang dikenali sebagai Kampung Tropicana bermula apabila kawasan hutan simpan di bawah laluan rentas Tenaga Nasional Berhad (TNB) mula diduduki setinggan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Damansara Muhammad Izuhan Ahmad Kassim berkata, kawasan berkenaan asalnya adalah Hutan Simpan Sungai Buloh, namun sebahagiannya pernah dinyahgazet dan diganti dengan lokasi lain bagi memberi laluan kepada pembangunan Tropicana.

Katanya, mengikut sejarah awal, kawasan terbabit pada mulanya dikenali sebagai Kampung Padang Tembak atau Jalan Padang Tembak sebelum ditukar kepada Kampung Tropicana.

"Walaupun sebahagian sudah dinyahgazet, ada bahagian berbeza tuk L yang masih kekal sebagai hutan simpan, tetapi di atasnya terdapat laluan rentas TNB. Kawasan itulah yang akhirnya menjadi penempatan setinggan sehingga kini.

“Operasi pemindahan besar-besaran penduduk asal dijalankan sekitar 2003 hingga 2004 apabila ratusan keluarga setinggian dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang.

"Namun, bahagian bawah laluan rentas (pencawang) TNB tidak diambil tindakan ketika itu menyebabkan sebahagian kecil penduduk masih kekal di situ," katanya kepada Harian Metro, baru-baru ini.

Belliau berkata, selepas lebih 20 tahun, dianggarkan antara 100 hingga 200 individu masih menetap di situ dengan kawasan terbabit berkembang kepada rumah ibadah pelbagai agama, pertanian, kandang ternakan, tempat simpanan lori, jentera berat selain hostel pekerja asing.

"Ada dalam kalangan penduduk pernah menerima Lesen Pendudukan Sementara (TOL) daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) antara 2008 hingga 2010, tetapi hanya sah setahun sebelum tidak lagi diperbaharui.

"Ia menyebabkan penduduk terus tinggal secara haram di atas tanah hutan simpan sementara sebahagian kawasan pula dijadikan pusat kegiatan ekonomi kecil-kecilan seperti nurseri tumbuhan dan penternakan kambing serta lembu," katanva.

Menurutnya, kawasan itu termasuk Bandar Utama dalam senarai lokasi dikenal pasti kerajaan Selangor untuk penguatkuasaan dalam usaha tindakan ke atas tanah diteroka tanpa izin.

Beliau berkata, kerajaan negeri mengambil keputusan untuk menyamak semula tanah kerajaan yang diduduki tanpa izin bermula tahun lalu.

"Semakan JPNS mendapati kawasan itu bukan saja menempatkan penduduk, tetapi turut ada beberapa nurseri, rumah ibadah, tapak penternakan serta pertanian kecil-kecilan," katanya.

KRONOLOGI ISU KAMPUNG TROPICANA

-
- The timeline illustrates the progression of the Kuching Land Dispute over a 65-year period. It begins in 1960 with the area being designated as a rubber plantation and a sheep farming area. A significant event in 1967 marks the first time the land was used for rubber cultivation. In 2005, a portion of the land was granted to a local resident. The timeline continues to 2008, where the land was used for rubber cultivation. Finally, in August 2025, the land was officially transferred to the state of Sarawak.
- | Tahun | Kejadian |
|-----------|---|
| 1960-an | Kawasan dikenali sebagai Kampung Padang Tembak digunakan untuk tanaman tebu dan ternakan kambing. |
| 1967 | Penduduk pertama mula menetap selepas mendapat kebenaran lisan bercucuk tanam. |
| 2005 | Sebahagian penduduk menerima 'use permit' daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) |
| 2008 | Permit tidak lagi diperbaharui selepas pertukaran pentadbiran kerajaan negeri. |
| Ogos 2025 | Penduduk menerima notis pengosongan pada 2 September 2025 daripada JPNS |
| Ogos 2025 | Wakil penduduk bertemu ADUN Kota Damansara bagi memohon campur tangan Menteri Besar Selangor. |

FAKTA KAMPUNG TROPICANA

- **LOKASI**
Jalan Padang Tembak,
bersebelahan Tropicana Golf
Club dan Lapangan Terbang
Sultan Abdul Aziz Shah.
- **JUMLAH KEDIAMAN**
54 rumah membabitkan
lebih 200 keluarga.
- **AKTIVITI**
Tanaman tebu, kelapa,
mangga, pisang, serai,
bunga melur, sayuran,
ternakan lembu, kambing,
ayam dan itik.
- **KEMUDAHAN**
Sebuah kuil, nurseri tanaman,
kandang ternakan dan kebun
sayer.
- **PENDUDUK**
Majoriti Melayu dan India
yang sebahagiannya